

Najib mohon derma daripada Arab Saudi

BH - 12/2/2020

m/s: 12

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu Kerajaan Malaysia menerusi Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak yang memohon sumbangan derma daripada Arab Saudi, bukannya ditawarkan negara terbahit.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi, berkata setahu beliau derma itu adalah dipohon oleh kerajaan.

Saksi pembelaan kelima itu yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada sesi pemeriksaan balas berkata, perkara itu bagaimanapun tidak dibincangkan Kabinet.

Jamil Khir berkata, beliau tidak pasti mengapa perkara sangat penting itu yang membabitkan negara asing tidak dibincangkan Kabinet.

Timbalan Pendakwa Raya itu kemudian mencadangkan baha-

wa saksi sudah semestinya tahu jika perkara itu ada dibentangkan, yang dijawab Jamil Khir, 'sebab itu saya cakap, saya tidak pasti'.

Ditanya sama ada rakyat diberitahu sumbangan derma terbabit adalah bagi tujuan pilihan raya, saksi menjawab, 'tidak'.

Jamil Khir turut menafikan cadangan Sithambaram bahawa dengan memohon dan menerima derma itu menunjukkan campurtangan asing dalam sebuah kerajaan demokratik.

Beliau bagaimanapun bersetuju bahawa perkara berhubung derma itu disembunyikan daripada rakyat.

Sithambaram: Adakah Raja Abdullah (Raja Arab Saudi, Allahyarham Abdullah Abdul Aziz Al-Saud) beritahu berapa sumbangan derma dia akan beri?

Jamil Khir: Tidak

Sithambaram: Ada cakap si-



Jamil Khir Baharom

apa akan hantar derma ini?

Jamil Khir: Tidak ada

Sithambaram: Adakah pada bila-bila masa Raja Abdullah beritahu ia adalah sebagai pinjaman?

Jamil Khir: Tidak

Sithambaram: Kamu tahu berapa jumlah derma yang sampai?

Jamil Khir: Tidak

Sithambaram: Adakah kamu

tahu Raja Abdullah benar-benar menghantar wang ini?

Jamil Khir: Tidak tahu.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee yang mewakili Najib kemudian menyoal semula saksi mengenai persoalan mengapa sumbangan derma itu tidak dibincangkan umum.

Jamil Khir menjelaskan, ia adalah kerana sumbangan derma itu diberikan kepada Najib secara peribadi dan ia bukan membabitkan urusan pentadbiran.

"Saya rasa ini sumbangan peribadi yang dibolehkan dalam konteks undang-undang negara... mungkin kerana itu ia tidak dibincangkan (Kabinet)," katanya.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menyoal saksi sama ada beliau sendiri mendengar hasrat Raja Abdullah untuk menyumbangkan derma.

Jamil Khir menjawab, 'ya'. Terdahulu, ketika membaca-

kan pernyataan saksinya, Jamil Khir berkata, Raja Abdullah menyatakan bahawa beliau akan menghantar sumbangan dana tidak berapa lama daripada tarikh mesyuarat tidak rasmi antara kedua-dua pemimpin itu, iaitu pada 11 Disember 2010.

Beliau berkata, dana itu akan disalurkan kepada akaun persendirian Najib kerana Raja Abdullah khawatir saluran terus ke dalam mana-mana entiti organisasi politik akan merumitkan cara perbelanjaan dana itu.

"Saya fahami perlunya dana ini disalurkan ke akaun persendirian supaya memudahkan dan melicinkan perjalanan politik Datuk Seri Najib," katanya.

Ketika menjawab soalan Muhammad Shafee, Jamil Khir berkata, beliau sendiri mendengar perbualan mengenai sumbangan derma itu kerana berada di belakang Najib selaku penterjemah.